



Seni persembahan warisan perlu dipelihara dan dipulihara untuk menjamin kelangsungannya.

# Pemeliharaan dan Pemuliharaan Seni Persembahan Warisan Bangsa

Sebagai negara yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada masyarakat majmuk, Malaysia terkenal dengan kekayaan kebudayaan, termasuk seni persembahan, seperti bangsawan, teater, tarian, muzik, wayang kulit atau silat. Seni persembahan sudah menjadi warisan kebanggaan rakyat negara ini. Dengan asakan kemodenan dan globalisasi, terdapat kebimbangan bahawa warisan seni persembahan itu akan terhakis dan akhirnya pupus daripada khazanah bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana generasi muda, terutamanya, kurang berminat dengan seni warisan tradisional.

12

Dewan Budaya | BIL. 5 2017



Foto: www.jamend.com

Kini mereka lebih berminat dan ghairah dengan permainan canggih melalui peralatan moden, termasuk telefon bimbit. Jika sikap demikian dibiarkan dan tidak terdapat strategi dan usaha konkrit untuk memelihara dan memulihara seni persembahan, ada kemungkinan bahawa warisan bangsa itu akan terus lenyap dan tidak akan lagi diketahui oleh generasi masa depan walhal seni persembahan warisan tersebut, baik dalam bentuk tarian, nyanyian mahupun teater tradisional, penting untuk dipertahankan.

Amatlah malang jika seni persembahan itu hanya dapat dibaca dalam buku atau hanya dapat ditonton melalui cakera padat dan video atau YouTube pada masa depan. Amatlah malang jika seni warisan bangsa terhakis dan terpadam daripada khazanah budaya bangsa semata-mata kerana kemodenan dan teknologi, dan keghairahan terhadap hiburan moden yang didakwa lebih hebat dan ada "kelas". Oleh itu, kita perlu memelihara dan memulihara warisan asli milik rakyat pelbagai etnik di negara ini agar tidak hilang diasak oleh arus deras pembangunan.

Khazanah dan warisan etnik dan bangsa tidak harus dibiarkan untuk ditelan zaman. Seni persembahan membawa sejarah, nilai, memori kolektif, dan jati diri

13

Dewan Budaya | BIL. 5 2017

Car. no: 0060275359  
ART 2017/A04

Arts & literature - Performance Arts -  
Pg 12-17



tidak akan membawa kesan kepada mereka. Mereka menganggap bahawa seni tersebut sudah tidak lagi perlu dan relevan pada zaman ini dan masa depan ketika banyak bentuk hiburan lain dapat dipilih dengan mudahnya, daripada internet dan seumpamanya. Sikap tidak mengambil peduli terhadap warisan itu sebenarnya turut menyumbang kepada kematian awal seni persembahan.

Sejak zaman-berzaman, seni persembahan memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat. Selain menjadi simbol

sesuatu etnik dan bangsa bersamasamanya. Jika seni persembahan itu pupus, maka lenyaplah juga ingatan masyarakat terhadapnya. Dalam keadaan budaya Melayu dan etnik, termasuk seni persembahan, semakin tidak mendapat tempat di hati masyarakat, terutama generasi muda yang terumbang-ambing dilanda gelombang kemodenan, penakatannya banyak bergantung pada sikap kita, terutama kerajaan, aktivis budaya dan pemimpin budaya, terhadap seni warisan itu.

Yang menjadi persoalan ialah adakah kita, termasuk orang Melayu, masih mempunyai rasa sayang terhadap seni persembahan kita itu? Mungkinkah kita tidak lagi mempedulikan warisan bangsa berkenaan kerana kita sudah terlalu taasub dengan segala persembahan dan hiburan moden yang lebih canggih dan hebat? Kita tidak lagi menganggap bahawa warisan itu mempunyai peranan dan nilai sewaktu kita lebih mengutamakan cara untuk terus hidup di tengah-tengah persaingan ketika ini.

Sesungguhnya kita perlu mengakui bahawa seni persembahan



Seni persembahan melambangkan identiti bangsa.

Melayu, misalnya, turut terdedah kepada ancaman kepupusan. Berapa banyakkah orang Melayu yang masih dapat mendendangkan lagu irama asli, memainkan alat muzik tradisional, dan melakonkan watak dalam seni persembahan tradisional, termasuk bangsawan? Tentu lebih banyak orang yang tidak mengambil peduli, sama ada seni persembahan itu dapat bertahan ataupun tidak, kerana bagi golongan ini, kehilangannya

perpaduan dan sosialisasi, seni persembahan merupakan aktiviti kesenggangan dan rekreasi yang amat penting dalam kalangan masyarakat kita. Masyarakat kita terbabit dalam aktiviti seni sebagai satu daripada cara untuk mengisi masa lapang. Golongan terbabit mempelajari sesuatu seni persembahan untuk tujuan keriangkan dan mengisi masa senggang dengan cara yang berfaedah, lebih-lebih lagi pada

zaman dahulu, tidak ada hiburan seperti yang kita kenal pada hari ini. Aktiviti sedemikian dapat memberikan satu bentuk senaman dan latihan anggota badan agar menjadi sihat dan cergas. Aktiviti tersebut pun dapat mengasah mental dan emosi serta mencergaskan fizikal mereka yang terbabit.

Ada juga aktiviti seni persembahan yang berkaitan rapat dengan agama. Penduduk kampung biasanya terbabit dalam aktiviti keagamaan, seperti marhaban, nasyid dan hadrah. Pemupukan amalan keagamaan dapat dilakukan di samping memberikan keinsafan sebagai orang Islam.

mencakup amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara kita. Seni persembahan melambangkan identiti sesuatu negara, malah melambangkan sifat majmuk masyarakat negara itu.

Jika dilihat dari perspektif kesepaduan sosial, seni tersebut turut memainkan peranan untuk menyemai nilai perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Hal ini dikatakan begitu kerana jika peserta atau pelakon yang terbabit terdiri daripada pelbagai etnik dan persembahan itu ditonton oleh khalayak daripada pelbagai kaum, hal ini sudah tentu dapat menyemai dan memupuk kesepaduan sosial di negara ini. Sebagai implikasinya,

## Berapa banyakkah orang Melayu yang masih dapat mendendangkan lagu irama asli, memainkan alat muzik tradisional, dan melakonkan watak dalam seni persembahan tradisional, termasuk bangsawan? Tentu lebih banyak orang yang tidak mengambil peduli, sama ada seni persembahan itu dapat bertahan ataupun tidak, kerana bagi golongan ini, kehilangannya tidak akan membawa kesan kepada mereka.

Apakah langkah terbaik untuk memastikan seni persembahan warisan bangsa tidak pupus? Bagaimanakah cara untuk memastikan penakatannya agar seni itu terus dapat melihat sinar matahari kurun ke-22 dan seterusnya?

Ketinggian tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya, termasuk seni persembahan. Warisan seni persembahan perlu dikekalkan kerana melambangkan jati diri etnik dan bangsa. Sesuatu bangsa yang memiliki maruah dan memahami peranan seni persembahan akan sedita upaya cuba untuk mempertahakankan seni itu. Budaya tradisional

melalui persembahan seni tersebut, khalayak akan lebih mengerti dan memahami budaya kaum berkenaan. Semangat keikatan dan persefahaman akan mengeratkan siraturahim, seterusnya memupuk perpaduan.

Budaya, termasuk seni persembahan, perlu dikekalkan demi kesinambungan tamadun bangsa. Melalui seni persembahan, kita mengetahui asal usul, sejarah dan budaya kita. Seni persembahan juga merupakan benteng budaya. Dengan cara ini, rakyat kita tidak ditenggelami atau taasub oleh budaya Barat. Bagi memupuk dan mengembangkan seni persembahan, rakyat mesti didedahkan kepada kekayaan

warisan budaya etnik dan negara. Kita boleh menganjurkan pelbagai kegiatan untuk menghidupkan seni persembahan sebagai warisan bangsa. Dengan hal ini, rakyat kita akan lebih memahami budaya sendiri.

Seni persembahan dapat disampaikan kepada generasi muda melalui latihan. Aktiviti kumpulan makyung, wayang kulit, zapin, dan sebagainya dapat dijalankan melalui Rakan Seni Budaya. Sistem pendidikan juga boleh menyelitkan budaya tradisional sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah. Pertandingan dapat dianjurkan bagi mengembangkan dan menghidupkan warisan ini.

pihak. Namun begitu, sebelum nasi menjadi bubur, ada baiknya kesedaran dipupuk dalam kalangan generasi muda tentang pentingnya mereka mengetahui, memupuk, dan mengamalkan seni persembahan itu.

Mengapakah tidak diusahakan pemupukan kesedaran ini dari peringkat kampung atau sekolah di kawasan terbabit? Di negara ini, sebahagian pelajar sekolah terdiri daripada majoriti kaum tertentu. Dengan bantuan pakar, aktivis dan guru, serta persatuan budaya tersebut, pasti banyak ikhtiar yang dapat dilakukan bagi memastikan seni itu tidak hilang ditelan zaman. Kita tentu tidak boleh meletakkan tugas dan tanggungjawab tersebut di bahu kerajaan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Jabatan itu mungkin boleh membantu usaha untuk merancang kegiatan seni persembahan tersebut. Yang akan memastikan kelangsungannya tentunya pemilih seni persembahan itu.

Bagi menarik perhatian golongan muda, sudah tentu acara persembahan seni tersebut dapat diadakan melalui pesta tertentu, seperti pesta budaya. Mengapakah tidak diadakan pertandingan seni persembahan tradisional masyarakat pelbagai

etnik di kawasan terbabit? Melalui pertandingan sedemikian, dapatlah dipupuk semangat berlumba-lumba dalam kalangan mereka yang terbabit. Secara tidak langsung, segala hal yang berkaitan dengan seni tersebut akan dapat dihidupkan, termasuk alat muzik dan kostum. Aktiviti kesenian seperti itu dapat menyemai nilai positif, termasuk kerjasama, semangat berpasukan, imaginasi dan kreativiti. Jack Ma, pengasas syarikat gergasi Alibaba, mencadangkan supaya pemupukan nilai dilakukan pada peringkat sekolah bagi memungkinkan generasi masa depan relevan dengan keperluan pasaran dan masa depan.

Satu lagi cara untuk memastikan seni persembahan itu dapat diselamatkan adalah dengan menjadikannya sebagai produk pelancongan budaya. Seni persembahan tradisional dapat menjadi daya tarikan kepada pelancong luar negara melalui konsep pelancongan budaya. Konsep pelancongan budaya menjadi antara pendekatan yang menarik oleh pengusaha industri pelancongan untuk bersaing dengan negara lain di rantau ini.

Apakah yang menarik perhatian anda ketika melancong di luar

negara? Adakah anda hendak melihat tarian Barat ketika melancong di India, Jepun atau Thailand? Pada suatu ketika dahulu, pengusaha di negara kita keliru tentang aspek ini. Mereka mempopularkan lagu Inggeris dan seni persembahan yang ada di Barat. Pada hakikatnya, pelancong mengunjungi sesuatu negara untuk menikmati dan merasai pengalaman baharu yang unik yang berkaitan dengan negara itu, termasuk makanan, produk pelancongan, kraf tangan dan seni persembahan.

Jika anda pernah ke Bali, satu daripada daya tarikan pelancong ialah tarian kecak. Kecak ialah pertunjukan tarian seni khas Bali yang menceritakan perihal Ramayana. Tarian ini dipersembahkan oleh banyak penari laki-laki yang duduk berbaris melingkar dan dengan irama tertentu, menyeru "cak", dan mengangkat kedua-dua lengan, menggambarkan kisah Ramayana. Pelancong bagai tidak sah ke Bali kalau tidak menonton tarian kecak.

Namun begitu, di negara ini, kita tidak mengangkat sebarang tarian secara serius untuk dipersembahkan kepada pelancong. Pelancongan budaya, termasuk seni persembahan, dapat diangkat

sebagai satu daripada daya tarikan pelancongan.

Menurut Pusat Budaya Wilayah dan Tradisional Eropah dan Pertubuhan Pelancongan Dunia, pelancongan budaya termasuk muzik dan tarian klasik, rakyat, dan kontemporari, drama meliputi teater, filem, kesusasteraan, perarakan, dan acara, upacara keagamaan dan ziarah, serta seluruh kebudayaan dan subkebudayaan tradisional dan primitif. Hal ini bermaksud bahawa seni persembahan memang tergolong sebagai produk pelancongan budaya.

Seyogya diingatkan bahawa setiap negeri dan etnik di negara ini mempunyai seni persembahan yang dapat diketengahkan sebagai produk pelancongan budaya yang mampu untuk menarik pelancong asing. Kuda kepang di Johor, ulit mayang di Terengganu, dan dikir barat di Kelantan, misalnya, tentu dapat dipersembahkan kepada pelancong, seperti tarian kecak di Pulau Dewata yang menjadi popular dengan strategi dan promosi yang betul.

Keunikan seni persembahan pelbagai etnik, sesuai dengan kemajmukan masyarakat di negara ini, tentu dapat menjadi daya tarikan yang dapat meningkatkan nilai produk pelancongan tempatan. Sesungguhnya keunikan budaya dan seni persembahan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia telah membentuk identiti budaya kebangsaan yang tersendiri. Kita perlu mengakui bahawa hal ini merupakan antara daya tarikan kepada pelancong luar untuk berkunjung ke negara ini, dan bukannya seni persembahan Barat. Kita perlu bangga dengan seni persembahan yang dimiliki dengan memperkenalkannya kepada para

pelancong amatlah mengasyikkan kepada pelancong apabila menonton atau menyaksikan seni persembahan di negara yang dikunjungi.

Ada pelbagai genre seni persembahan di negara ini yang unik dan berbeza daripada seni persembahan di Brunei, Filipina, Singapura atau Thailand. Dalam konteks seni persembahan Melayu, misalnya, seni tersebut telah melalui proses akulturasi dan asimilasi sehingga teradunnya pelbagai genre seni persembahan Melayu, seperti seni rakyat, seni persembahan tradisional, seni popular, seni kontemporari dan sinketik. Melalui proses tersebut, sesuai dengan perkembangan dan pertumbuhan zaman, serta pengaruh luar yang melingkarinya, termasuk daripada agama Hindu, Buddha, Islam dan Kristian, maka seni persembahan di negara kita mempunyai kelainan dan keunikannya yang tersendiri.

Seni persembahan Melayu, misalnya, terdiri daripada persembahan yang digunakan untuk majlis diraja dan istana, serta kategori seni persembahan untuk hiburan di istana yang terdiri daripada muzik, teater dan tarian. Satu lagi ialah seni persembahan rakyat, yang berkaitan dengan upacara animisme. Seni itu digunakan dalam upacara tertentu untuk menghubungkan manusia dengan alam ghaib dan sudut seni persembahan untuk hiburan sahaja. Seni persembahan Melayu, yang meliputi upacara spiritual dan seni hiburan, meliputi pelbagai genre, seperti caklempong, boria, randai, bangsawan, rodak, jikey dan dikir barat. Seni persembahan Melayu yang dikaitkan dengan unsur spiritual termasuklah ulik mayang, wayang kulit dan mek mulung.

Pelbagai yayasan kebudayaan yang berperanan di negara ini tentu dapat membantu usaha untuk meningkatkan dan mengekalkan kesedaran terhadap pemuliharaan dan pembangunan warisan dalam kalangan rakyat. Untuk tujuan itu, yayasan tersebut dapat menggunakan media massa, sama ada dengan kerjasama media tempatan ataupun alam Nusantara dan arena antarabangsa, bagi melakukan usaha penyediaan dan pemulihan di samping mengadakan seminar dan sebagainya. Kerjasama ini dapat merangkum pembaitan kerajaan melalui agensi yang berkaitan dengan peninggalan warisan, terutama Jabatan Warisan Negara, di samping kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan bukan kerajaan, individu, swasta dan awam. Yayasan itu juga dapat berperanan untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan untuk mengekalkan seni persembahan. Sebagai warisan negara, seni persembahan bukan sahaja berkaitan dengan sejarah atau masa lampau, tetapi berkaitan rapat dengan proses pembentukan negara. Seni persembahan juga berkaitan dengan semangat cinta akan negara, selain mampu untuk memupuk jati diri bangsa.

Negara kita perlu berusaha untuk memelihara dan mempertahankan warisan seni persembahannya, seperti yang dilakukan oleh Jepun, Thailand, Korea Selatan dan Indonesia. Dengan cara itu, kita dapat menjamin kelangsungannya, membantu usaha untuk mengangkat warisan negara ke persada antarabangsa, serta membuka mata dunia bahawa kita memiliki peninggalan warisan bernilai tinggi. **08**



Tarian kuda kepang mampu untuk menarik perhatian pelancong.